



**TAHAP MOTIVASI GURU PENDIDIKAN ISLAM PASCA PANDEMIK:  
TINJAUAN DI DAERAH KLANG, SELANGOR**

**[THE LEVEL OF MOTIVATION AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS  
POST-PANDEMIC: A REVIEW IN THE KLANG DISTRICT, SELANGOR]**

**UMMI SUMAIYA SAMSUDDIN @ YASIN & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1\*</sup>**

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.

Correspondent Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

*Received: 1 January 2024*

*Accepted: 17 January 2024*

*Published: 31 January 2024*

**Abstrak:** Motivasi, yang berasal dari perkataan Latin 'movere', merupakan konstruk psikologi yang telah menjadi fokus kajian utama dalam memahami kecenderungan individu untuk menjalankan suatu tindakan atau aktiviti. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi pasca pandemik dan perbezaannya antara jantina dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Daerah Klang, Selangor. Artikel ini menyumbang dalam meningkatkan produktiviti guru dengan memahami lebih mendalam tahap motivasi dan perbezaan berdasarkan jantina dalam konteks era pasca pandemik. Metodologi yang digunakan bersifat kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel sebanyak 318 guru Pendidikan Islam di Daerah Klang, Selangor. Analisis deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) telah dilaksanakan untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai, jumlah kekerapan, dan peratusan. Dapatan menunjukkan bahawa tahap motivasi responden secara keseluruhan, khususnya dalam aspek sosial, minat, dan cabaran, adalah tinggi. Terdapat perbezaan signifikan dalam tahap motivasi pasca pandemik antara responden lelaki dan perempuan. Dapatan ini memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai tahap motivasi intrinsik berdasarkan teori Hierarki Maslow dan McClelland. Implikasinya adalah praktikal, di mana pihak pengurusan, guru, dan masyarakat dapat memahami realiti motivasi guru Pendidikan Islam. Langkah-langkah yang sesuai boleh diambil untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia, khususnya selepas menghadapi pandemik.

**Kata kunci:** motivasi; perbezaan jantina; guru; Pendidikan Islam; sekolah rendah; Maslow; McClelland.

**Abstract:** Motivation, derived from the Latin word 'movere,' is a psychological construct that has been a central focus of studies in understanding individuals' tendencies to engage in specific actions or activities. This article aims to identify the levels of post-pandemic motivation and its differences between genders among Islamic Education teachers in the Klang District, Selangor. The study holds significant importance in enhancing teachers' productivity by gaining a deeper understanding of motivation levels and gender-based differences in the post-pandemic era. The research methodology employed is quantitative, utilizing a survey method involving a sample of 318 Islamic Education teachers in the Klang District, Selangor. Descriptive analysis using the *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) was conducted to obtain minimum values, standard deviations, frequency totals, and percentages. The research findings indicate that the overall motivation levels of the respondents, particularly in the social, interest, and challenge aspects, are high. There is a significant difference in post-pandemic motivation levels between male and female respondents. These findings provide a more

detailed overview of intrinsic motivation levels based on the theories of Maslow's Hierarchy and McClelland. The practical implications involve the understanding of the reality of motivation among Islamic Education teachers. Appropriate measures can be taken by management, teachers, and the community to enhance the effectiveness of Islamic Education teaching and learning in Malaysia, especially in the aftermath of the pandemic.

**Keywords:** motivation; gender differences; teachers; Islamic Education; primary schools; Maslow; McClelland

**Cite This Article:**

Ummi Sumaiya Samsuddin @ Yasin & Khadijah Abdul Razak. 2024. Tahap Motivasi Guru Pendidikan Islam Pasca Pandemi: Tinjauan di Daerah Klang, Selangor [The Level of Motivation Among Islamic Education Teachers Post-Pandemic: A Review in The Klang District, Selangor]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*.4(1), 14-35.

## **PENGENALAN**

Pendidikan merupakan tiang utama pembangunan sebuah negara. Melalui pendidikan, manusia dapat membentuk tamadun yang meningkatkan kualiti hidup mereka. Guru pula memiliki peranan penting dalam membina pendidikan berkesan untuk murid-murid. Guru yang profesional dan memiliki kemahiran khusus dalam bidang tertentu mampu mendidik anak murid dengan baik (Dudun Najmudin & Yasni Alami, 2022). Secara umum, guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan pengajaran mereka selaras dengan kurikulum yang diselaraskan dan sesuai dengan keperluan murid (Mohd Zaidi Mohd Zeki et al., 2021). Oleh itu, kesihatan mental guru sangat penting untuk menjalankan tugas dengan baik kerana guru yang memiliki mental positif dapat menciptakan suasana pembelajaran yang kreatif dan menarik bagi murid (Syarifah Liah Siti, 2019).

Pandemik Covid-19 juga telah memberikan impak besar terhadap sistem pendidikan di seluruh dunia, mempengaruhi lebih dari 1.6 juta pelajar dari 200 negara. Penutupan sekolah dan pembelajaran jarak jauh telah mengubah cara pembelajaran dan suasana pendidikan. Isu keciciran pelajar semakin meruncing, terutama bagi mereka dari latar belakang keluarga susah yang mengalami akses terbatas ketika sekolah fizikal ditutup (Schleicher, 2020). Pembukaan semula sekolah pasca pandemik menimbulkan cabaran baru dalam menyesuaikan diri dengan pengajaran bersemuka kembali dan mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan (Pokhrel & Chhetri, 2021). Oleh itu, guru memiliki tanggung jawab besar untuk memastikan keberhasilan pelaksanaan tugas mereka dan membantu membina karakter murid yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, intelek, dan sosial, sejalan dengan Falsafah Pendidikan Malaysia (Mok Soon, 1942). Semangat guru dalam melaksanakan tugas mereka juga menjadi elemen penting dalam mencapai proses pendidikan berkualiti (Zulhanum Salsabiela, 2021).

Dalam bidang pendidikan, motivasi guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru yang bermotivasi cenderung memberikan pengajaran yang lebih baik dan inovatif (Zulhanum Salsabiela, 2021). Tahap motivasi yang tinggi juga memberikan keyakinan kepada guru untuk mengawal persekitaran pengajaran dan pembelajaran dengan efektif, lalu mencipta persekitaran pembelajaran yang aktif dan memberangsangkan untuk pelajar (Siti Khadijah Hamzah & Khadijah Abdul Razak, 2022). Pandemik COVID-19 telah memberikan cabaran dalam pendidikan, terutamanya dari

sudut penggunaan teknologi dalam pengajaran dalam talian. Keberkesanan pengajaran dalam talian juga telah didapati adalah rendah (Nur Farhana Abdul Aziz et al., 2021). Namun, kajian lepas juga telah mendapati bahawa guru Bahasa Arab memiliki sikap positif terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran Bahasa Arab. Hal ini penting kerana kreativiti pendidik mampu memberi impak positif kepada pelajar (Suhaizal Hashim et al., 2023). Keperibadian guru dan motivasi mereka untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas juga telah dibuktikan mempunyai hubungan yang ketara dengan keinginan pelajar untuk belajar (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2009).

Seterusnya, kajian lepas telah menunjukkan perbezaan motivasi antara guru dan pelajar berdasarkan jantina (Scherer et al., 2021; Omrah Hassan @ Hussin et al., 2021). Guru lelaki cenderung kurang termotivasi menggunakan teknologi, sementara pelajar lelaki lebih bersemangat dan responsif berbanding pelajar perempuan (Mazarul Hasan Mohamad Hanapi et al., 2020). Tuntasnya, motivasi guru memainkan peranan penting dalam mencapai prestasi dan keberkesanan dalam pendidikan. Pemahaman terhadap motivasi guru, faktor-faktor penyumbangannya, serta pengaruhnya dalam konteks pendidikan Malaysia adalah penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini memberikan fokus khusus kepada motivasi guru Pendidikan Islam, dengan meneliti tahap motivasi pasca pandemik di Daerah Klang, Selangor. Perbezaan motivasi antara jantina juga dibincangkan untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan berkaitan tahap motivasi guru Pendidikan Islam pasca pandemik serta mengenal pasti perbezaan antara jantina terhadap tahap motivasi Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran pasca pandemik. Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap motivasi Guru Pendidikan Islam pasca pandemik?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap motivasi Guru Pendidikan Islam pasca pandemik berdasarkan jantina?

Artikel ini juga membincangkan berkaitan konstruk jantina dalam konteks tahap motivasi guru, dan memfokuskan perbandingan tahap motivasi antara lelaki dan perempuan pasca pandemik. Konstruk tahap motivasi guru pula terbahagi kepada tiga sub konstruk: sosial, minat, dan cabaran. Pembahasan berkaitan tahap motivasi guru selepas pandemik dilakukan dengan menggabungkan dua teori utama, Keperluan Hierarki Maslow dan Keperluan McClelland. Dari aspek reka bentuk, kajian tinjauan digunakan untuk menghasilkan dapatan yang tepat melalui soal selidik yang disusun berdasarkan objektif dan sorotan literatur. Artikel ini menumpukan kepada tahap motivasi guru Pendidikan Islam pasca pandemik dan memilih pendekatan deskriptif. Perbincangan artikel bertujuan menentukan perbezaan signifikan dalam tahap motivasi guru pasca pandemik berdasarkan jantina. Item soal selidik dikembangkan untuk mengukur tahap motivasi dan faktor-faktornya, serta meneliti perbezaan motivasi berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Kajian ini bersifat kuantitatif, dengan dapatan data diperoleh melalui jawapan responden dalam borang soal selidik.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Peranan Guru dalam Pendidikan**

Guru agama memainkan peranan penting dalam memupuk identiti Melayu Islam dan menyediakan bimbingan kerohanian. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi asas untuk pembangunan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), yang bertujuan untuk meningkatkan sikap, kebolehan, personaliti, dan pandangan hidup seseorang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Sistem pendidikan negara adalah asas untuk pembangunan FPI. Walaupun begitu, terdapat banyak kepincangan yang disebabkan oleh penglibatan rendah Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam aktiviti kemasyarakatan. Fungsi GPI sebagai penggerak perubahan juga masih berada di tahap sederhana (Anisyah Rahmadania & Hery Noer Aly, 2023).

Manakala menurut Naureen Durrani & Anjum Halai, (2018) pula, hasil kajian mereka juga telah menunjukkan betapa berkesannya guru agama sebagai pembawa keamanan, yang boleh mengubah perpaduan sosial dan mengurangkan ketaksamaan akademik. Guru juga telah menjadi perantara yang membantu menyelesaikan ketegangan di negara Pakistan kerana konflik antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Tuntasnya, peranan guru bukan sahaja sebagai pendidik yang mengajar di dalam kelas semata-mata, tetapi gurulah yang berfungsi sebagai agen transformasi dan keamanan dalam masyarakat (Maziahtusima Ishak et al., 2021). Ini menunjukkan kepentingan figura guru dalam sesebuah negara bangsa.

Motivasi pula merujuk kepada kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu. Memahami konsep motivasi boleh membantu menjelaskan perbezaan antara tujuan dan mengapa seseorang melakukan sesuatu. Selain itu, memahami konsep motivasi juga boleh membantu dalam menentukan apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan motivasi seseorang dengan memahami keperluan setiap orang. Keperluan ialah kekurangan yang yang tidak dapat dipenuhi oleh seseorang untuk melengkapkan hidupnya (Anisyah Rahmadania & Hery Noer Aly, 2023). Dalam pendidikan psikologi, motivasi adalah konstruk psikologi yang paling banyak dikaji. Motivasi memberi dorongan yang sepatutnya untuk menggerakkan seseorang melakukan sesuatu tindakan. Motivasi, yang merupakan asal daripada perkataan Latin "movere", yang bermaksud "untuk bergerak".

Menurut kajian saintifik pula, motivasi boleh ditakrifkan sebagai "satu proses yang berasaskan aktiviti yang berarahkan matlamat tanggungjawab untuk mendorong seseorang melakukan sesuatu secara berterusan." Bagi menjelaskan sebab seseorang melakukan apa yang mereka lakukan dan bagaimana ini memberi kesan kepada hidup mereka, kajian berkaitan motivasi sesuai digunakan (Schunk et al., 2008). Motivasi juga adalah aspek yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu atau sekurang-kurangnya meningkatkan kecenderungan mereka untuk melakukan sesuatu itu (Fienna Rahmi Hasanah & Agus Sofyandi Kahf, 2016). Terdapat beberapa teori utama menerangkan berkaitan motivasi manusia. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan serba sedikit berkaitan motivasi guru, khususnya dalam kerjaya perguruan mereka.

## **Motivasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran**

Kajian-kajian lepas telah memberikan gambaran yang komprehensif mengenai motivasi guru dalam konteks Malaysia, dengan penekanan pada faktor-faktor kritikal seperti pengiktirafan, pencapaian, gaji, hubungan interpersonal, dan dasar pentadbiran. Hasil kajian di daerah Kinta Utara, Perak, telah menunjukkan bahawa faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi guru (Suhaila Sahak & Jamalullail Abdul Wahab, 2019). Selain itu, amalan penilaian prestasi juga diakui sebagai elemen yang tinggi dalam memotivasikan guru untuk mencapai prestasi terbaik (Syerwiah Abu Hassan & Bity Salwana Alias, 2020).

Dalam konteks kesediaan dan motivasi guru, terdapat perbezaan yang ketara berdasarkan jantina, terutamanya semasa pandemik Covid-19 (Norhannan Ramli & Hafizhah Zulkifli, 2022). Di samping itu, dalam dunia pekerjaan, kajian menunjukkan adanya perbezaan kepuasan kerja pekerja berdasarkan jantina (Nurhafizah Mohd Sukor & Nurhafizah Mohd Suko, 2019). Faktor ini memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai dinamika motivasi di kalangan guru dan pekerja secara umum (Kamal J I Badrasawi & Noor Lide Abu Kassim, 2020). Kajian mengenai sikap dan amalan pelajar menyoroti hubungan yang signifikan antara kedua-dua aspek tersebut, sambil menekankan faktor-faktor lain seperti lokasi sekolah, etnik, dan status sosioekonomi yang mempengaruhi kejayaan akademik pelajar. Motivasi pelajar, khususnya semasa pandemik, turut menjadi tumpuan kajian, dengan perbezaan motivasi antara jantina yang dicerminkan (Juaini Ismail & Zamri Mahamod, 2022).

Faktor-faktor psikologi dan organisasi, termasuk sosialisasi dan pengaruh budaya, turut ditekankan dalam kajian lepas. Perbezaan biologi dan psikologi individu, seperti perbezaan hormon, neurologikal, dan gaya kognitif antara lelaki dan perempuan, memberikan dimensi tambahan kepada pemahaman motivasi di kalangan individu berlainan jantina (Zaida Nor Zainudin et al., 2021; Yudiana et al., 2021). Walau bagaimanapun, kajian lepas masih belum melibatkan konteks motivasi guru Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Klang berdasarkan jantina secara mendalam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk penyelidikan lanjutan yang melibatkan konteks ini untuk memperkayakan pemahaman mengenai motivasi guru dengan lebih spesifik.

Dapatan kajian lepas menunjukkan gambaran yang komprehensif tentang motivasi guru di Malaysia, dengan fokus pada faktor-faktor kritikal seperti pengiktirafan, pencapaian, gaji, hubungan interpersonal, dan dasar pentadbiran. Kajian di daerah Kinta Utara, Perak, menunjukkan pengaruh signifikan faktor-faktor ini terhadap motivasi guru (Suhaila Sahak & Jamalullail Abdul Wahab, 2019), sementara amalan penilaian prestasi diakui sebagai elemen penting dalam memotivasikan guru untuk mencapai prestasi terbaik (Syerwiah Abu Hassan & Bity Salwana Alias, 2020).

Kesediaan dan motivasi guru juga dipengaruhi oleh jantina, terutamanya semasa pandemik Covid-19 (Norhannan Ramli & Hafizhah Zulkifli, 2022). Selain itu, kajian menunjukkan perbezaan kepuasan kerja pekerja berdasarkan jantina (Nurhafizah Mohd Sukor & Nurhafizah Mohd Suko, 2019), memberikan pemahaman mendalam tentang dinamika motivasi di kalangan guru dan pekerja secara umum (Kamal J I Badrasawi & Noor Lide Abu Kassim, 2020). Motivasi pelajar, terutamanya semasa pandemik, turut menjadi fokus kajian dengan perbezaan motivasi antara jantina yang dicerminkan (Juaini Ismail & Zamri Mahamod, 2022). Faktor-faktor psikologi dan organisasi, termasuk sosialisasi dan pengaruh budaya, turut

mendapat penekanan dalam kajian lepas. Perbezaan biologi dan psikologi individu, seperti perbezaan hormon, neurologikal, dan gaya kognitif antara lelaki dan perempuan, memberikan dimensi tambahan kepada pemahaman motivasi di kalangan individu berlainan jantina (Zaida Nor Zainudin et al., 2021; Yudiana et al., 2021).

Namun, kajian lepas masih belum menyentuh konteks motivasi guru Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Klang secara mendalam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk penyelidikan lanjutan yang melibatkan konteks ini untuk memperkayakan pemahaman mengenai motivasi guru dengan lebih spesifik. Dalam konteks kesediaan dan motivasi guru, perbezaan jantina memainkan peranan penting, dan pemahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru adalah kunci untuk meningkatkan prestasi pembelajaran.

### **Kepentingan Motivasi Guru dalam Pendidikan**

Motivasi guru mempengaruhi perkembangan pembelajaran pelajar, mencipta persekitaran kelas positif, dan meningkatkan penyertaan serta motivasi pelajar. Guru yang memberi inspirasi dapat membentuk persepsi positif terhadap akademik dan membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran (Hamidah Yusof & Norasibah Abdul Jalil, 2012). Kualiti guru yang baik termasuk kejujuran, keceriaan, kasih sayang, hormat, keteladanan, dan keadilan, semuanya memberi kesan positif kepada pembelajaran (Mohammad Arif Bin Johari & Sa'odah Ahmad, 2019; Kamarul Azmi Jasmi et al., 2009).

Persekitaran sekolah yang dipengaruhi oleh guru bermotivasi juga mampu mencipta lingkungan pembelajaran yang positif dan produktif. Selain itu, pemimpin yang adil dan berkebolehan dapat meningkatkan kepuasan kerja guru, mendorong inovasi, dan mencipta keadaan sekolah yang cemerlang. Guru yang mengungguli suruhan Allah untuk sentiasa kekal tekad dalam berjuang dan berjihad (Ali-Imran: 139) untuk mendidik anak murid mengenali-Nya akan sentiasa berusaha untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Nurhafizah Mohd Sukor & Nurhafizah Mohd Suko, 2019). Dapatan kajian lepas telah menunjukkan hubungan positif antara tahap motivasi guru dan kemampuan mereka untuk meningkatkan keadaan sekolah .

Selain itu, tahap motivasi guru turut memberikan impak dalam inovasi dan pembangunan kurikulum. Oleh sebab, guru yang bermotivasi cenderung mencari kaedah baharu untuk meningkatkan kualiti pembelajaran (Munirah Madzlan & Kamariah Abu Bakar, 2022). Motivasi dalaman yang tinggi membolehkan guru menghasilkan inovasi tanpa terikat pada ganjaran luaran (Noor Shamsinar Zakaria & Nor Azhan Norul'Azmi, 2022; Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah et al., 2023). Maka dapat disimpulkan di sini bahawa tahap motivasi guru memainkan peranan besar dalam kualiti pengajaran, perkembangan pelajar, iklim sekolah, inovasi, dan pembangunan kurikulum. Oleh itu, pemahaman statistik tentang tahap motivasi guru Pendidikan Islam selepas pandemik adalah penting.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas telah menunjukkan perbezaan kepuasan kerja berdasarkan jantina dalam dunia pekerjaan secara umum. Namun, kajian mengenai motivasi guru Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Klang masih terbatas, dan penyelidikan lanjutan perlu dilakukan untuk memahami konteks ini secara mendalam. Korelasi antara konstruk motivasi guru dan perbezaan motivasi berdasarkan jantina juga telah menjadi fokus kajian lepas. Namun, terdapat keperluan untuk menyelidik lebih lanjut dalam konteks motivasi

guru Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Klang. Perlu ditekankan bahawa motivasi guru memainkan peranan penting dalam perkembangan pembelajaran pelajar, mencipta lingkungan kelas positif, dan meningkatkan penyertaan serta motivasi pelajar. Kualiti guru yang baik memberi kesan positif kepada pembelajaran. Maka pemahaman tentang tahap motivasi guru adalah penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran, iklim sekolah, inovasi, dan pembangunan kurikulum, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam selepas pandemik. Hal ini kerana pemahaman tentang faktor-faktor motivasi guru dan perbezaan jantina dapat membantu menyusun strategi untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan kesejahteraan guru. Penyelidikan mendalam dalam konteks khusus seperti Daerah Klang dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam dan kontekstual terhadap motivasi guru.

### **Teori Motivasi dalam Konteks Kajian**

Untuk mengkaji tahap motivasi guru dan perbezaan antara jantina, dua teori terkenal, iaitu Teori Hierarki Keperluan oleh Abraham Harold Maslow dan Teori Keperluan McClelland, menjadi landasan utama kajian. Maslow menekankan Hierarki Keperluan yang mencakupi keperluan fizikal dan psikologi sebagai pendorong utama tindakan manusia. Sebaliknya, McClelland mengemukakan tiga kehendak utama manusia: Kehendak Pencapaian, Kehendak Keterikatan, dan Kehendak Kuasa (Anisyah Rahmadania & Hery Noer Aly, 2023). Menurut Maslow, tindakan manusia didorong oleh keperluan dan hasrat untuk mencapai keadaan aktualisasi diri. McClelland pula mendalami keperluan individu untuk mencapai kejayaan, berkongsi sokongan, dan mengawal orang atau keadaan (Widayat Prihartanta, 2015; Kristina et al., 2023). Teori ini juga menekankan bahawa kefahaman terhadap keperluan asas pekerja menjadi kunci dalam membentuk persekitaran kerja yang produktif.

Dalam konteks kajian, aspek-aspek seperti aspek sosial, minat, dan stimulasi cabaran menjadi fokus utama. Teori-teori ini menekankan kepentingan interaksi sosial, kerjasama, pertumbuhan peribadi, dan keinginan untuk mencapai prestasi yang lebih besar. Aspek-aspek ini memberikan landasan untuk menilai motivasi guru dengan lebih holistik, khususnya dalam konteks motivasi guru Pendidikan Sekolah Rendah di Daerah Klang dan perbezaan motivasi antara jantina. Kedua-dua teori ini menekankan pentingnya perkembangan peribadi, hubungan interpersonal, dan kerja berpasukan dalam mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini dapat menggunakan aspek-aspek ini untuk menyelidik tahap motivasi guru dengan lebih efektif dan lebih khusus, untuk memberikan pemahaman mendalam tentang motivasi guru dan perbezaan yang mungkin timbul antara jantina dalam konteks pendidikan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji berpendapat bahawa kajian tinjauan adalah sesuai untuk diaplikasi bagi mengukur tahap motivasi guru Pendidikan Islam pasca pandemik. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian deskriptif untuk mengkaji tahap motivasi pasca pandemik di kalangan guru Pendidikan Islam di Daerah Klang. Manakala untuk menjelaskan perkara yang berlaku dalam populasi yang dikaji, pengkaji telah menjalankan soal selidik terhadap responden. Selain itu, tujuan kajian juga ialah untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap motivasi guru pasca pandemik berdasarkan jantina mereka. Oleh itu, objektif item yang

dibangunkan adalah untuk mengukur dan menentukan tahap motivasi guru serta komponennya. Data yang diperoleh untuk kajian ini adalah kuantitatif, dan ia diperoleh melalui rekod atau penilaian responden terhadap borang soal selidik.

Lokasi kajian ini dijalankan adalah di daerah Klang, Selangor. Daerah Klang telah dipilih oleh pengkaji kerana lokasinya yang strategik dan atas faktor kebolehcapaian untuk mendapatkan data. Di Daerah Klang terdapat 132 buah sekolah, termasuk sekolah menengah dan rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Walau bagaimanapun, pengkaji hanya melibatkan bilangan sekolah rendah sahaja sebagai populasi kajian. Pemilihan sekolah rendah ini bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data yang mencukupi untuk memenuhi objektif kajian. Tanpa mengira latar belakang sekolah responden, pengkaji telah memilih responden secara rawak mudah. Guru yang mengajar Pendidikan Islam dan berkhidmat secara langsung di sekolah-sekolah rendah yang ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kriteria yang digunakan untuk memilih responden.

Sampel kajian terdiri daripada guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor. Peranan penting GPI sebagai pendorong dalam mengajar pelajar mereka dalam bidang pendidikan Islam telah menarik minat pengkaji untuk memilih mereka. Motivasi guru Pendidikan Islam, terutamanya di sekolah rendah Daerah Klang, walaubagaimanapun masih belum jelas. Penting untuk mengetahui tahap motivasi mereka kerana ia mampu mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran murid. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji tentang guru pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik berdasarkan teori Maslow dan McClelland untuk meninjau tahap motivasi guru pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang. Pengkaji juga melihat perbezaan konstruk ini berdasarkan jantina. Bahagian soal selidik ini terdiri daripada Bahagian A, B, dan C. Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan demografi pelajar, Bahagian B pula berpusat pada teori Harapan Vroom mengenai faktor motivasi guru, dan Bahagian C melibatkan tahap motivasi guru pasca pandemik. Untuk memudahkan pengendalian dan analisis data, pengkaji memilih soalan selidik berstruktur dan tertutup dengan skala Likert 5 mata. Kecuali Bahagian A yang memfokuskan kepada dapatan demografi peserta, setiap bahagian soal selidik mempunyai 17 dan 11 soalan. Artino et al., (2014) menyatakan bahawa enam hingga sepuluh item adalah jumlah yang mencukupi untuk mendapatkan data yang kukuh untuk menjelaskan fenomena dan menjawab persoalan artikel.

Ujian Alpha Cronbach digunakan untuk menilai kebolehpercayaan instrumen dan pemantapan item dalam soal selidik. Secara keseluruhan, nilai Alpha Cronbach adalah 0.86. Konstruk tahap motivasi Guru Pendidikan Islam pasca pandemik mempunyai nilai Alpha Cronbach 0.77. Banyak pengkaji berpendapat bahawa nilai alpha di atas 0.8 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima untuk instrumen yang digunakan (Bryman & Cramer, 1999). Tambahan pula, menurut Sekaran (1992), nilai kebolehpercayaan ( $\alpha$ ) untuk setiap konstruk yang melebihi 0.60 dianggap baik dan dapat diterima. Selain itu, nilai Cronbach Alpha yang berada dalam julat 0.60–0.80 dianggap boleh diterima, manakala nilai di atas 0.80 dianggap sangat baik. Secara keseluruhan, nilai kebolehpercayaan soal selidik dalam artikel ini untuk Cronbach Alpha adalah baik.

Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang telah dipilih sebagai responden kajian ini. Kajian ini termasuk 318 guru Pendidikan Islam yang sedang mengajar di



Daerah Klang, Selangor. Latar belakang sampel artikel dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Jadual 1.

Jadual 1 Latar belakang demografi sampel Artikel

<b>Latar belakang demografi</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	192	60.4
	Perempuan	126	39.6
Pengalaman mengajar	1-3 tahun	146	45.9
	4-7 tahun	79	24.8
	8 tahun ke atas	93	29.2

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Tahap motivasi guru Pendidikan Islam pasca pandemik**

Pengkaji telah menjalankan analisis deskriptif menggunakan kekerapan, peratus, nilai min dan sisihan piawai untuk menentukan tahap motivasi pasca pandemik dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang. Pengkaji akan membincangkan dua aspek utama tahap motivasi GPI: keputusan umum tahap motivasi GPI dan mengikut tiga konstruk motivasi: sosial, kemahiran, dan cabaran. Hasil ini dibincangkan secara terperinci dalam Jadual 4.1, yang terdapat di bawah.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam pasca pandemik mempunyai tahap motivasi yang tinggi, dengan nilai min 4.35 dan sisihan piawai 0.15. Menurut kriteria Samah & Suandi, (1999), nilai skor min 4.01–5.00 dianggap sebagai tahap motivasi yang tinggi. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa motivasi GPI adalah sangat positif selepas pandemik, menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas mengajar serta peranan mereka sebagai pendidik dan pembimbing di sekolah. Lebih daripada 50% soalan konstruk motivasi menerima nilai skor min yang tinggi, bahkan melebihi nilai skor min keseluruhan (min lebih daripada 4.35). Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa jawapan responden menunjukkan tahap motivasi yang tinggi.

Seterusnya, bahagian ini juga akan membincangkan secara terperinci keputusan yang berkaitan dengan motivasi guru. Konstruk motivasi sosial mendapat skor min yang tinggi, dengan min 4.45 dan sisihan piawai 0.22, melebihi skor min keseluruhan. Item C4 "Kerjaya profesional perguruan sesuai dengan diri saya" sebanyak 50% responden bersetuju dan 49.1% sangat setuju, C2 "Profesion dan kerjaya saya dapat membantu pembangunan masyarakat" sebanyak 50.9% bersetuju dan 49.1% sangat setuju, dan C9 "Saya merasa bahagia menjadi seorang guru" 62.6% bersetuju dan 37.1% sangat setuju menunjukkan masing-masing mendapat peratusan persetujuan yang tinggi. Peratus dan kekerapan item bagi motivasi sosial yang tinggi menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam berpuas hati dan bermotivasi untuk melaksanakan tugas mereka selepas pandemik dengan baik.

Motivasi guru Pendidikan Islam yang berkaitan dengan aspek minat juga telah mencapai skor min yang lebih tinggi daripada skor min keseluruhan. Ini ditunjukkan oleh peratusan

jawapan positif untuk item C5, "Saya akan berusaha keras untuk mengajar dengan baik dalam pengajaran dan pembelajaran setelah pandemik," (99.7%) , item C3, "Saya memiliki pemahaman dalam menjalankan tugas dengan baik dan profesional setelah sekolah dibuka kembali," (99.7%) dan item C8, "Menjadi seorang guru mempunyai lebih banyak faedah daripada keburukan" (87.8%). Hasilnya menunjukkan bahawa GPI mempunyai minat yang tinggi terhadap kerjaya mereka. Guru Pendidikan Islam juga tahu betapa pentingnya kerja mereka untuk mendidik anak bangsa. Selain itu, GPI sangat teruja untuk melaksanakan tanggungjawab profesional mereka selepas pandemik dan menyediakan pengajaran yang berkualiti.

Item motivasi dalam konstruk cabaran pula mendapat skor min keseluruhan terendah, dengan min = 3.40. Berbanding dengan item konstruk motivasi yang lain, item C6, "Saya tidak terkesan sekiranya terdapat persepsi negatif terhadap Guru Pendidikan Islam," menerima nilai peratusan positif yang paling rendah iaitu hanya 24.5%. Walau bagaimanapun, dengan nilai min 3.40 untuk konstruk cabaran ini, nilai skor min adalah sederhana tinggi. Keputusan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pandangan negatif terhadap guru-guru Pendidikan Islam, pandangan ini cenderung untuk tidak begitu terpengaruh atau terpengaruh secara besar-besaran terhadap responden dan menghalang mereka daripada terus bermotivasi untuk menjadi pendidik. Pernyataan ini menunjukkan bahawa responden bersifat tekal dan tidak terkesan terhadap pandangan negatif berkaitan Guru Pendidikan Islam.

Untuk item motivasi yang berkaitan dengan aspek cabaran lain, kebanyakan jawapan mempunyai peratusan yang tinggi adalah jawapan "setuju" dan "sangat setuju". Sebagai contoh, item C1 "Saya melaksanakan kerjaya guru secara sistematik dan profesional meskipun mempunyai cabaran selepas pandemik" mendapat 132 jawapan "setuju" dan 184 jawapan "sangat setuju." Item C7 "Saya berusaha untuk meningkatkan prestasi murid-murid lemah dalam PdPc selepas pandemik" dan Item C10 "Walaupun suasana kerja mungkin bermasalah terutamanya setelah sekolah dibuka selepas pandemik, Ini menunjukkan bahawa responden sangat menyokong pernyataan untuk perkara berikut. Item-item seperti C1, C7, dan C10, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan prestasi murid-murid lemah, pelaksanaan kerjaya guru dengan sistematik dan profesional, dan keupayaan untuk menjalankan tugas walaupun keadaan kerja mungkin bermasalah selepas pandemik, semuanya mendapat respons yang positif daripada kebanyakan responden. Kesanggupan dan tekad responden untuk terus bermotivasi untuk menjalankan tanggungjawab sebagai guru Pendidikan Islam walaupun menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam konteks selepas pandemik, adalah bukti ketinggian tahap motivasi ini.

Konstruk motivasi guru pasca pandemik, bersama-sama dengan subkonstruk iaitu aspek sosial, minat dan cabaran, diterangkan secara terperinci dalam Jadual 2, dengan menggunakan kekerapan, peratus, nilai min, sisihan piawai dan interpretasi.

Jadual 2 Hasil analisis deskriptif item motivasi GPI pasca pandemik

No	Item (Sosial)	STS	TS	KS	S	SS	Skor	Sisihan	Interpretasi
		Kekerapan & peratus (%)					Min	Piawai	
C2	Profesion dan kerjaya saya dapat membantu pembangunan masyarakat	0	0	0	162 (50.9)	156 (49.1)	4.49	.50	Tinggi
C4	Kerjaya profesional perguruan sesuai dengan diri saya	0	0	0	159 (50.0)	159 (50.0)	4.50	.50	Tinggi
C9	Saya merasa bahagia menjadi seorang guru	0	0	1 (0.3)	199 (62.6)	118 (37.1)	4.37	.49	Tinggi
No	Item (Minat)	STS	TS	KS	S	SS	Skor	Sisihan	Interpretasi
		Kekerapan & peratus (%)					Min	Piawai	
C3	Saya mempunyai kesedaran dalam menjalankan tugas dengan baik dan profesional setelah sekolah dibuka kembali.	0	0	1 (0.3)	172 (54.1)	145 (45.6)	4.45	.51	Tinggi
C5	Saya akan berusaha keras untuk mengajar dengan baik dalam pengajaran dan pembelajaran setelah pandemik	0	0	1 (0.3)	160 (50.3)	157 (49.4)	4.49	.51	Tinggi
C8	Menjadi seorang guru lebih banyak manfaatnya	0	0	39 (12.3)	157 (49.4)	122 (38.4)	4.26	.66	Tinggi

daripada keburukan									
Keseluruhan							4.40	.32	Tinggi
No	Item (Cabaran)	STS	TS	KS	S	SS	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
		Kekerapan & peratus (%)							
C1	Saya melaksana kerjaya guru secara sistematik dan profesional meskipun mempunyai cabaran selepas pandemik.	0	0	2 (0.6)	132 (41.5)	184 (57.9)	4.57	.51	Tinggi
C6	Saya tidak terkesan sekiranya terdapat persepsi negatif terhadap Guru Pendidikan Islam	11 (3.5)	8 (2.5)	221 (69.5)	72 (22.6)	6 (1.9)	3.17	.66	Sederhana Tinggi
C7	Saya berusaha untuk meningkatkan prestasi murid- murid lemah dalam PdPc selepas pandemik	0	0	0	166 (52.2)	152 (47.8)	4.48	.50	Tinggi
C10	Walaupun suasana kerja mungkin bermasalah terutamanya setelah sekolah dibuka selepas pandemik, namun itu tidak menghalang saya untuk menjalankan tugas dengan baik	0	0	1 (0.3)	163 (51.3)	154 (48.4)	4.48	.51	Tinggi

C11	Musim pandemik tidak melemahkan semangat saya untuk mengajar.	1 (0.3)	0	3 (0.9)	125 (39.3)	189 (59.4)	4.58	.55	Tinggi
Keseluruhan							3.40	.19	Sederhana Tinggi
Keseluruhan Tahap Motivasi GPI Pasca Pandemi							4.35	.15	Tinggi

Secara keseluruhannya, tahap motivasi guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di Daerah Klang adalah tinggi, dengan nilai min 4.35 dan sisihan piawai 0.15. Terdapat dua aspek utama yang mencapai tahap tinggi dalam analisis konstruk: konstruk sosial (nilai min = 4.45, sisihan piawai = 0.22) dan konstruk minat (nilai min = 4.40, sisihan piawai = 0.32). Konstruk cabaran juga mencapai tahap yang sederhana tinggi meskipun mendapat nilai min yang paling rendah berbanding konstruk sosial dan minat, dengan nilai min 3.40 dan sisihan piawai 0.19. Jadual 3 menunjukkan rumusan tahap amalan nilai murni berdasarkan konstruk-konstruk ini.

Jadual 3 Hasil analisis deskriptif konstruk motivasi GPI pasca pandemik

No	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Sosial	4.45	.22	Tinggi
2	Minat	4.40	.32	Tinggi
3	Cabaran	3.40	.19	Sederhana Tinggi
	Min Keseluruhan	4.35	.26	Tinggi

### Perbezaan Tahap Motivasi Pasca Pandemi Antara Jantina

Bagi menjawab persoalan kajian keempat dan menguji hipotesis H<sub>2</sub> berikut:

PK 5: Adakah terdapat tahap motivasi Guru Pendidikan Islam pasca pandemik berdasarkan jantina?

H<sub>3</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap motivasi Guru Pendidikan Islam pasca pandemik berdasarkan jantina.

Pengkaji menggunakan ujian T Dua Sampel Bebas untuk menentukan perbezaan dalam tahap faktor motivasi guru Pendidikan Islam. Untuk memastikan varians dalam kedua-dua kumpulan sama atau berbeza secara signifikan, pengkaji menggunakan ujian Levene sebelum menentukan sama ada statistik t berbeza secara signifikan. Hasil ujian Levene menunjukkan nilai F= 6.46 dan nilai P= 0.01 (P kurang daripada 0.05). Ini menunjukkan perbezaan yang ketara bilangan antara lelaki dan perempuan. Dengan kata lain, kedua-dua varians tidak sama rata. Oleh itu, pada bahagian pernyataan "*Equal Variances not assumed*", pengkaji melihat nilai t. Analisis ujian T untuk kedua-dua sampel bebas ini ditunjukkan dalam Jadual 4.3:

Jadual 4 Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Motivasi)

	Jantina	N	Min	Nilai T	df	Sig
Motivasi GPI pasca pandemik	Lelaki	192	4.38	4.57	264	0.00
	Perempuan	126	4.30			

Pengkaji mendapati, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi guru pasca pandemik berdasarkan jantina, dengan nilai  $t(264) = 4.57$  dan nilai  $P = 0.00$  ( $P < 0.05$ ). Hipotesis alternatif akhirnya diterima. Tahap motivasi GPI lelaki mempunyai nilai min 4.38, manakala GPI perempuan mempunyai nilai min 4.30. Ini menunjukkan bahawa tahap faktor motivasi lelaki dan perempuan adalah berbeza. Selepas pandemik, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap motivasi antara Guru Pendidikan Islam (GPI) lelaki dan perempuan di sekolah rendah Daerah Klang. Ini ditunjukkan oleh keputusan analisis ujian t dua sampel bebas. Di samping itu, nilai min GPI lelaki lebih tinggi daripada GPI perempuan. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa di era selepas pandemik di Daerah Klang, guru pendidikan Islam lelaki lebih bermotivasi berbanding guru pendidikan Islam perempuan.

## PERBINCANGAN

### Tahap motivasi guru Pendidikan Islam pasca pandemik

Dapatan daripada kajian ini mengenai motivasi guru Pendidikan Islam selepas pandemik di Daerah Klang selaras dengan dapatan daripada kajian-kajian lepas (Noor Shamsinar Zakaria & Nor Azhan Norul'Azmi, 2022; Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah et al., 2023). Secara keseluruhan, telah ditunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai semangat yang tinggi. Ini membuktikan kesungguhan dan komitmen yang besar oleh guru dalam melaksanakan tugas mengajar. Ia juga menunjukkan peranan responden sebagai guru dan pembimbing di sekolah selepas pandemik. Kajian oleh Syerwiah Abu Hassan dan Bity Salwana Alias pada tahun 2020 telah menunjukkan bahawa penilaian prestasi dan motivasi kerja guru adalah sangat baik. Jadi, dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Abu Hassan dan Bity Salwana Alias (2020). Ini menunjukkan bahawa penilaian prestasi boleh membantu guru melakukan yang terbaik dalam kerja mereka. Amalan prestasi membolehkan guru bersaing untuk pengiktirafan dan ganjaran yang berharga.

Selain itu, kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa guru Bahasa Arab berpuas hati dengan penggunaan ICT dalam pengajaran Bahasa Arab. Secara amnya, kualiti Guru Pendidikan Islam (GCPI), termasuk kualiti pengajaran, dinilai dengan baik. Selain itu, terdapat korelasi yang ketara antara keperibadian ini dan keinginan pelajar untuk mengajar dan belajar di kelas (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2009). Pengkaji berpendapat bahawa motivasi guru mempunyai kesan yang ketara terhadap perkembangan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian yang ditulis oleh Ainul Nadzifah binti Mohd Ali et al. (2022) telah menunjukkan bahawa pelajar tidak menunjukkan keinginan untuk belajar dalam talian. Tuntasnya, penemuan dalam kajian ini merujuk kepada kajian sebelumnya dan memberikan gambaran yang baik tentang dorongan

yang ditunjukkan oleh guru pendidikan Islam selepas pandemik. Tetapi terdapat perbezaan pendapat, terutamanya mengenai perbezaan keinginan antara guru dan pelajar, serta konteks pengajaran yang berbeza.

Selain itu, kajian ini mengkaji motivasi guru berdasarkan tiga konstruk utama: sosial, kemahiran, dan halangan, menunjukkan hasil dapatan yang tinggi. Hasil daripada kajian sebelumnya oleh Stefanus Damai et al., (2019) adalah serupa. Begitu juga dengan dapatan kajian lepas oleh Masitah Taib & Salmawati Mohd Diah, (2023); Bataeva, (2018) yang telah menunjukkan hubungan antara konsep diri positif dan kejayaan. Mereka juga mendapati bahawa motivasi sosial adalah penting untuk kesejahteraan dan kepuasan guru, terutamanya apabila ia berkaitan dengan pemahaman dan penerimaan peranan profesional mereka. Begitu juga, banyak kajian telah menunjukkan bahawa motivasi berpunca daripada keinginan untuk melaksanakan tugas profesional dan menyediakan pendidikan berkualiti tinggi. Artikel oleh Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah et al. (2023), yang menumpukan pada kepuasan guru terhadap profesion dan tanggungjawab sosial mereka, bersetuju dengan hasil yang diberikan terutamanya kepada elemen motivasi sosial dan minat. Ini bermakna minat dan motivasi sosial mesti dimasukkan dalam strategi pembangunan untuk memastikan motivasi guru kekal kukuh dan berterusan.

Selain itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendidik Pendidikan Islam mempunyai ketahanan yang bagus dan tidak dipengaruhi oleh pandangan negatif terhadap mereka. Pengkaji mendapati bahawa dapatan ini sejajar dengan kajian sebelumnya oleh Nur Farhana Abdul Aziz et al., (2021) dan Rosyada Ikhwan et al., (2022) yang menunjukkan bahawa motivasi intrinsik boleh meningkatkan ketahanan terhadap tekanan dan halangan. Selain itu, dari segi psikologi, terdapat hubungan antara keinginan untuk mencapai dan jangkaan terhadap pencapaian (Hanis Mohamed et al., 2021). Oleh itu, dapat dibuktikan di sini bahawa pendidik yang sangat bermotivasi akan terus teguh dan gigih dalam menghadapi cabaran untuk mencapai kejayaan. Selain itu, kajian ini menyokong penemuan sebelumnya dengan menunjukkan bahawa responden cenderung untuk tidak terjejas secara ketara dan terus bersemangat untuk melaksanakan tugas mereka walaupun terdapat pandangan negatif terhadap guru Pendidikan Islam.

Selain itu, responden dalam kajian ini menyokong idea seperti pelaksanaan kerjaya guru dengan sistematik dan profesional, usaha untuk meningkatkan prestasi murid lemah, dan keupayaan untuk menyelesaikan tugas walaupun persekitaran kerja selepas pandemik mungkin bermasalah. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Hamidah Yusof dan Norasibah Abdul Jalil (2012), yang mendapati bahawa tahap motivasi guru mempengaruhi kemajuan pembelajaran pelajar kerana pelajar boleh merasakan semangat dan tenaga guru, yang boleh meningkatkan minat mereka dalam pelajaran. Adalah penting bagi guru yang memberi inspirasi untuk mewujudkan persekitaran kelas yang positif, yang boleh meningkatkan penyertaan pelajar dan mendorong mereka untuk terus bekerja. Ia juga boleh membantu pelajar menyesuaikan diri dengan lebih baik dengan persekitaran akademik dan kaedah pembelajaran mereka, serta meningkatkan keyakinan mereka terhadap kemampuan mereka (Mohammad Arif Bin Johari & Sa'odah Ahmad, 2019).

Untuk membantu pelajar menjadi lebih baik, guru yang baik harus jujur, mesra, penyayang, menghormati pelajar dan menunjukkan contoh yang baik. Mereka juga harus mengelak daripada perkara yang tidak dibenarkan, membantu, tawaduk, menggalakkan dan

mengajar. Selain itu, guru yang termotivasi juga lebih cenderung untuk memberikan pengajaran yang lebih inovatif dan berkesan. Mereka juga tidak mudah menghukum atau mendenda pelajar tanpa mengira tahap kebolehan mereka (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2009). Mereka juga akan terus meningkatkan kemahiran mereka dan mengikuti kemajuan akademik (Osma Shafie, 2020). Guru yang sangat bermotivasi juga boleh mengawal persekitaran pembelajaran dan pengajaran mereka. Oleh itu, pendidik yang bermotivasi boleh mencipta persekitaran pembelajaran yang aktif dan mendorong pelajar mereka untuk belajar dengan tekun (Siti Khadijah Hamzah & Khadijah Abdul Razak, 2022). Ini menunjukkan betapa pentingnya guru untuk membantu pelajar berkembang akademik. Berdasarkan penemuan ini, pengkaji bersetuju bahawa guru mesti menunjukkan minat dan komitmen yang berterusan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhan, penemuan dalam kajian ini menyokong kajian-kajian lepas dan memberikan gambaran yang menyeluruh tentang tahap motivasi guru Pendidikan Islam di Daerah Klang selepas pandemik. Untuk membantu dan meningkatkan motivasi guru Pendidikan Islam untuk menghadapi cabaran pasca pandemik, artikel ini juga boleh digunakan sebagai panduan untuk pembangunan profesional dan pengurusan sumber manusia.

### **Perbezaan tahap motivasi guru antara jantina**

Dengan menggunakan Ujian T bagi Dua Sampel Bebas, pengkaji juga mendapati bahawa keputusan hipotesis menunjukkan perbezaan yang ketara dalam tahap motivasi antara GPI lelaki dan perempuan di sekolah rendah Daerah Klang selepas pandemik. Analisis dimulakan dengan ujian Levene, yang menunjukkan bilangan data antara GPI lelaki dan perempuan adalah tidak bersifat homogen. Maka pengkaji menilai hasil ujian T dengan melihat kolum "*Equal Variances not assumed*". Hasil ujian T menunjukkan bahawa tahap motivasi antara GPI lelaki dan perempuan adalah tidak sama. Menurut nilai min, GPI lelaki mempunyai tahap faktor motivasi yang lebih tinggi berbanding GPI perempuan. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa lelaki dan perempuan GPI mempunyai pelbagai tahap keinginan untuk mengajar dan belajar dalam konteks selepas pandemik di Daerah Klang.

Dapatan kajian ini boleh dibandingkan dengan kajian yang ditulis oleh Norhannan Ramli dan Hafizah Zulkifli (2022) mengenai motivasi guru semasa pandemik COVID-19, di mana jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam tahap motivasi mereka. Oleh itu, artikel ini bertentangan dengan artikel sebelumnya, yang mendapati bahawa GPI lelaki dan perempuan mempunyai tahap motivasi yang lebih kurang sama. Tambahan pula, kajian terdahulu yang mengaitkan motivasi dengan kepuasan kerja (Nurhafizah Mohd Sukor & Nurhafizah Mohd Suko, 2019) telah menunjukkan bahawa motivasi berkait rapat dengan kepuasan kerja, dan faktor seperti ganjaran dan matlamat boleh mempengaruhi motivasi itu sendiri. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa perbezaan dalam motivasi antara GPI lelaki dan perempuan boleh dikaitkan dengan perbezaan dalam kepuasan kerja, antara faktor lain yang mempengaruhi motivasi.

Seterusnya, kajian lepas telah mendapati bahawa, walaupun tiada perbezaan yang ketara dalam sikap pelajar lelaki dan perempuan dalam bidang veterinar dan perubatan, terdapat hubungan yang ketara antara sikap dan tindakan mereka (Zur Batrisyia Mohd Zubir et al., 2021). Oleh itu, motivasi juga boleh dikaitkan dengan hubungan antara sikap dan amalan.



Aspek ini harus diambil kira apabila menilai motivasi GPI lelaki dan perempuan. Menurut Yayan Mulyana et al., (2021), keinginan guru dipengaruhi oleh budaya organisasi. Ini juga boleh dikaitkan dengan penyelidikan yang menyokong perbezaan motivasi berdasarkan budaya masyarakat (Korpershoek et al., 2021), yang telah menunjukkan bahawa elemen sosialisasi dan budaya masyarakat boleh mempengaruhi keinginan untuk belajar. Oleh itu, apabila menilai motivasi GPI lelaki dan perempuan, faktor budaya masyarakat dan organisasi boleh diambil kira untuk melihat bagaimana tahap motivasi jantina berbeza. Ciri biologi dan psikologi seseorang juga mempengaruhi cara mereka melihat motivasi. Disebabkan perbezaan biologi, kecenderungan guru lelaki dan perempuan boleh dipengaruhi oleh perbezaan dalam proses kognitif dan pembuatan keputusan. Tambahan pula, perbezaan dalam motivasi antara jantina mungkin dipengaruhi oleh perbezaan dalam psikologi individu, seperti gaya kognitif dan sifat personaliti.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini boleh digunakan untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan GPI lelaki dan perempuan selepas pandemik. Oleh itu, mungkin diperlukan pendekatan atau strategi yang lebih khusus untuk memahami dan meningkatkan motivasi guru lelaki dan perempuan. Hasil kajian ini boleh membantu sekolah dan pihak berkepentingan memahami dan menangani pelbagai jenis motivasi untuk guru lelaki dan perempuan. Hasil ini juga boleh digunakan sebagai asas untuk penyelidikan tambahan dan kaedah motivasi yang lebih khusus, terutamanya selepas pandemik.

## **IMPLIKASI DAN BATASAN KAJIAN**

Artikel ini memberikan maklumat berharga untuk pengurusan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pihak berkepentingan dengan mengidentifikasi faktor motivasi guru Pendidikan Islam di Daerah Klang. Implikasi praktikal termasuk pembangunan strategi dan intervensi, seperti peningkatan pengiktirafan dan pemberian ganjaran. Perspektif pembangunan profesional guru menekankan keperluan pembangunan berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pasca pandemik. Dari sudut pandang pembuat dasar, artikel ini memberi penekanan kepada pelaksanaan program sokongan dan dasar yang menyokong kesejahteraan dan motivasi guru. Keperluan untuk kajian lebih lanjut dan pemahaman konteks pasca pandemik juga ditekankan dalam menangani kesan pandemik terhadap sistem pendidikan dan kehidupan guru. Artikel ini, meskipun terhad kepada Guru Pendidikan Islam di Daerah Klang, memberikan asas untuk tindakan praktikal dan perancangan strategik bagi meningkatkan motivasi guru Pendidikan Islam selepas pandemik, dengan mengakui beberapa kelemahan dalam kajian ini.

Limitasi dapatan kajian ini terbatas kepada Guru Pendidikan Islam di Daerah Klang sahaja, tidak dapat digeneralisasi kepada daerah atau negeri lain. Ia merupakan kajian kuantitatif yang menumpukan kepada data numerik, tidak menyentuh penerokaan mendalam atau perbincangan mendalam responden. Teori motivasi utama adalah teori Keperluan Hierarki Maslow dan Keperluan McClelland bagi mengenal pasti tahap motivasi GPI pasca pandemik. Kajian merangkumi perbezaan motivasi antara jantina dan pengalaman mengajar, tetapi hanya membincangkan lelaki dan perempuan. Jantina-jantina lain dan golongan seperti guru pelatih atau yang sudah bersara tidak dimasukkan dalam kajian. Dapatan inferensi merangkumi perbezaan motivasi antara jantina, namun tidak menyentuh aspek lain seperti jenis sekolah atau

status sosial responden. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa terdapat keterbatasan pada topik-topik yang dibincangkan, hanya memberi tumpuan kepada objektif dan persoalan utama artikel.

## **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Artikel ini juga memberikan pemerhatian komprehensif tentang motivasi guru Pendidikan Islam di Daerah Klang selepas pandemik. Bagaimanapun, terdapat cadangan untuk penyelidikan lanjutan. Kajian seterusnya boleh memfokuskan analisis yang lebih mendalam terhadap faktor demografi dan konteks yang mungkin mempengaruhi motivasi guru, seperti usia, pengalaman mengajar, dan tahap pendidikan. Aspek psikologi dan emosi guru juga boleh menjadi tumpuan untuk memberikan pemahaman lebih mendalam tentang kepuasan kerja dan motivasi intrinsik mereka. Selain itu, pandangan pelajar terhadap pengajaran guru selepas pandemik serta perbandingan motivasi guru Pendidikan Islam dengan guru disiplin lain adalah bidang penyelidikan yang menarik. Kajian lanjutan juga boleh menilai keberkesanan teknik intervensi yang digunakan untuk meningkatkan motivasi guru. Pemahaman lanjut tentang kesan pandemik terhadap sistem pendidikan dan strategi yang sesuai untuk meningkatkan motivasi guru juga boleh menjadi fokus kajian seterusnya. Pengkaji berharap cadangan ini akan memberi sumbangan kepada penyelidikan akan datang untuk mencipta strategi yang lebih berkesan dalam meningkatkan motivasi guru Pendidikan Islam.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini tidak hanya memberikan gambaran menyeluruh tentang motivasi guru Pendidikan Islam di Daerah Klang selepas pandemik, tetapi juga menganalisis komponen yang signifikan dalam mempengaruhi keinginan mereka. Hasil kajian menyediakan maklumat mendalam tentang harapan, ganjaran, nilai kerja, dan persekitaran kerja, memperkaya pemahaman kita tentang perubahan motivasi guru. Artikel ini memberi sumbangan penting terutamanya dalam konteks Malaysia dan pendidikan Islam, dengan menggunakan teori-teori motivasi sebagai sandaran secara efektif. Implikasi teoretikal dan praktikal artikel ini merangkumi panduan untuk pengurusan sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan motivasi guru melalui kaedah dan intervensi yang sesuai. Artikel menekankan keperluan peluang pertumbuhan berterusan untuk guru, khususnya dalam meningkatkan kemahiran pasca pandemik. Meskipun artikel ini memberikan maklumat yang luas, terdapat kelemahan seperti tumpuan terhadap guru di Daerah Klang dan penggunaan soal selidik. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk melihat motivasi guru dengan lebih mendalam, merangkumi aspek psikologi, emosi guru, persepsi pelajar, dan perbandingan motivasi antara bidang disiplin guru. Meskipun terdapat kelemahan, Artikel ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang hasrat guru Pendidikan Islam di Daerah Klang selepas pandemik dan diharapkan kajian seterusnya dapat memperkaya literatur motivasi guru.

## RUJUKAN

- Ainul Nadzifah Mohd Ali, Siti Syarah Mohd Tawil, Shuhaib Supani, & Abang Zainal Abidin Abang Ariffin. 2022. Motivasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian dan Bersemuka: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar IKMAS Motivation. *Sains Insani, Special Issues*, 72–83.
- Anisyah Rahmadania, & Hery Noer Aly. 2023. Meningkatkan Motivasi Belajar Di Yayasan Cahaya Generasi Islam Kota Bengkulu. *Jurnal Pendidikan Dan Konseling*, 5(4), 261–272.
- Artino, A. R., La Rochelle, J. S., Dezee, K. J., & Gehlbach, H. 2014. Developing questionnaires for educational research: AMEE Guide No. 87. *Medical Teacher*, 36(6), 463–474. <https://doi.org/10.3109/0142159X.2014.889814>
- Bataeva, E. V. 2018. Motivational Content Analysis of Primary School Textbooks on Literature in Context of D. McClelland's Theory. *The Education and Science Journal*, 20(1), 136–151. <https://doi.org/10.17853/1994-5639-2018-1-136-151>
- Bryman, A., & Cramer, D. 1999. *Quantitative Data Analysis with SPSS Release 8 for Windows*. Routledge.
- Dudun Najmudin, & Yasni Alami. 2022. Peran Guru Pendidikan Agama Islam pada Era Digital. *Jurnal Pendidikan Agama Islam (JPAI)*, 04(1), 17–27.
- Fienna Rahmi Hasanah, & Agus Sofyandi Kahf. 2016. Hubungan antara Komitmen Beragama Islam dengan Motivasi Kerja pada Pegawai Administrasi Baru di Universitas Islam Bandung. *Psikologi*, 2(1), 153–158.
- Hamidah Yusof, & Norasibah Abdul Jalil. 2012. The Relationship Between Family Factors and Motivation with Academic Achievement of FELDA Students. *Journal of Contemporary Issues and Thought*, 2, 141–151.
- Hanis Mohamed, Mohd Hazwan Mohd Puad, Abdullah Mat Rashid, & Rahimah Jamaluddin. 2021. Workplace Skills and Teacher Competency from Culinary Arts Students' Perspectives. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(1), 107–125.
- Juaini Ismail, & Zamri Mahamod. 2022. Strategi Guru Bahasa Melayu Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Kelas Peperiksaan Sewaktu Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah. *E-Seminar Penyelidikan Kebangsaan*, 33–47.
- Kamal J I Badrasawi, & Noor Lide Abu Kassim. 2020. Reading Skill among Malaysian ESL Lower Secondary Students: Which Girls and Which Boys are Achieving and Underachieving? *Iiu*, 8(2), 88–111.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51, 57–71.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Statistik Bilangan Sekolah, Murid dan Guru*. Kementerian Pendidikan. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/senarai-sekolah>
- Korpershoek, H., King, R. B., Mcinerney, D. M., Nasser, R. N., Ganotice, F. A., Watkins, D. A., Korpershoek, H., King, R. B., Mcinerney, D. M., & Ramzi, N. 2021. Gender and Cultural Differences in School Motivation. *Research Papers in Education*, 36(1), 27–51. <https://doi.org/10.1080/02671522.2019.1633557>

- Kristina, M. B., Ariyanto, E. A., & Muslikah, E. D. 2023. Motivasi Kerja Karyawan Perusahaan : Adakah Peranan dari Kepemimpinan Transformasional dan Clan Culture? *INNER: Journal of Psychological Research*, 3(2), 323–333.
- Masitah Taib, & Salmawati Mohd Diah. 2023. Amalan Terbaik Pembelajaran Pelajar Program Separuh Masa Institut Pendidikan Guru Ke Arah Pencapaian Akademik Cemerlang. *Tempawan*, 104–112.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari, & Norazimah Zakaria. 2020. Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 9–17.
- Maziahtusima Ishak, Mohd Mursyid Arsyad, Fathiyah Mohd Fakhrudin, Ismi Ariff Ismail, Hayati Ismail, Sakinah Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan, Hazlina Abdullah, Noor Saazai Mat Saad, & Sarifah Nurhanum Syed Sahuri. 2021. Tinjauan Tahap Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani Melalui Kaedah Pendidikan Islam Tidak Formal. *Sains Insani*, 6(1), 25–34. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.229>
- Mohammad Arif Bin Johari, & Sa'odah Ahmad. 2019. Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang , Selangor. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, 5(1), 24–36.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Noor Muslieah Mustafa Kamal, Riyan Hidayat, Nurul Hijja Mazlan, & Nurulaini Moshidi. 2021. Cadangan Penyelesaian Pakar Pendidikan Berkaitan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah Menengah. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 6, 18–34.
- Mok Soon, S. 1942. *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Munirah Madzlan, & Kamariah Abu Bakar. 2022. Kemahiran dan Motivasi Guru serta Keberkesanan Terhadap Penggunaan Telegram dan WhatsApp dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), 2–17.
- Naureen Durrani, & Anjum Halai. 2018. Dynamics of gender justice, conflict and social cohesion: Analysing educational reforms in Pakistan. *International Journal of Educational Development*, 61, 27–39.
- Noor Shamsinar Zakaria, & Nor Azhan Norul'Azmi. 2022. Faktor Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat Terhadap Peningkatan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab Era Endemik. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(November 2022), 49–62.
- Norhannan Ramli, & Hafizhah Zulkifli. 2022. Tahap Kesediaan dan Motivasi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education ARISE*, 2(2), 16–30.
- Nur Farhana Abdul Aziz, Nooraida Yakob, & Nor Asniza Ishak. 2021. Adapting to Online Teaching During Covid-19: Challenges Faced By Lecturers In Penang International Islamic Technological College. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 5(1), 129–141.
- Nurhafizah Mohd Sukor, & Nurhafizah Mohd Suko. 2019. Efikasi Kendiri dan Pengaruhnya Terhadap Kepuasan Kerja dalam Kalangan Guru Pendidikan Pencegahan Dadah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 21(Special Issue), 36–45.

- Omrah Hassan @ Hussin, Noor Hanim Rahmat, Saidah Ismail, & Nor Azhar Mohd Taib. 2021. European Journal of Foreign Language Teaching Exploring Expectancy Theory As Motivation For. *European Journal of Foreign Language Teaching*, 5(5), 141–154. <https://doi.org/10.46827/ejfl.v5i5.3946>
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. 2021. A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>
- Rosyada Ikhwan, Ahmad Hari Witono, & Abdul Kadir Jaelani. 2022. Motivasi Berprestasi (Achievement motivation ) Guru Dalam Melaksanakan Pembelajaran Pada Masa Pandemi Covid-19. *Journal of Classroom Action Research*, 4(1), 18–28. <https://doi.org/10.29303/jcar.v4i1.1387>
- Samah, B. A., & Suandi, T. 1999. *Statistic for Social Research with Computer Application*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Scherer, R., Howard, S. K., Tondeur, J., & Siddiq, F. 2021. Computers in Human Behavior Profiling teachers ' readiness for online teaching and learning in higher education : Who ' s ready? *Computers in Human Behavior*, 118(October 2020), 106675. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2020.106675>
- Schleicher, A. 2020. *The Impact of Covid-19 on Education: Insights From Education at a Glance 2020*.
- Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. L. 2008. *Motivation in education: Theory, research and applications*. Pearson.
- Siti Khadijah Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. 2022. Tahap Efikasi Kendiri dan Amalan Pembelajaran Abad ke-21 Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 82–98.
- Stefanus Damai, Rustam Effendi, Sulaiman, & R. 2019. The Teacher Achievement Motivation as an Intervening Variable in Relationship between Teacher's Profesionalism , Principal's Leadership and Teacher ' s Performance of State High School in Banjarmasin City. *Journal of K6, Education, and Management (j-K6EM)*, 2(1), 23–35.
- Suhaila Sahak, & Jamalullail Abdul Wahab. 2019. Amalan Kepimpinan Distributif Guru Besar Dan Motivasi Guru Sekolah Rendah Daerah Kinta Utara, Perak Suhaila. *International Conference of Future Education and Advances*.
- Suhaizal Hashim, Nur Zulaikha Mohd Zain, & Nur Zahira Mohamed Zahir. 2023. Cultivating Teachers' Creativity Toward Education For Sustainable Development (ESD) In Technical And Vocational Education and Training (tvvet). *Journal of Nusantara Studies*, 8(2), 157–181.
- Syarifah Liah Siti. 2019. Implementasi Pendidikan Karakter: Sebuah Kajian Ilmiah dari Perspektif Gaya Kepemimpinan Kepala Sekolah. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 4(1), 1–21.
- Syerwiah Abu Hassan, & Bity Salwana Alias. 2020. Amalan Penilaian Prestasi Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah dan Motivasi Kerja Guru Daerah Sepang. *Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*, 222, 14–16.

- Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah, Khadijah binti Abdul Razak, Mohd Isa bin Hamzah, & Nursafra binti Mohd Zhaffar. 2023. Motivasi Penghasilan Inovasi Pengajaran oleh Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7(April), 1–15.
- Widayat Prihartanta. 2015. Teori-teori Motivasi. *Jurnal Adabiya*, 1(83), 1–11.
- Yayan Mulyana, Nanang Chaeroni, Heri Erlangga, Makmur Solahudin, Nurjaya, & Denok Sunarsi. 2021. The Influence of Motivation, Ability, Organizational Culture, Work Environment on Teachers Performance. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(4), 99–108.
- Yudiana, F. E., Kusuma, H., & Qizam, I. 2021. Gender Roles in the Relationship between Hijrah Intention , Satisfaction , and Islamic-Bank Customer Loyalty. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(4), 2615–2634.
- Zaida Nor Zainudin, Siti Aishah Hassan, Nor Aniza Ahmad, & Wan Norhayati Wan Othman. 2021. Faktor Jantina dan Kepuasan Klien dalam Perkhidmatan E-Kaunseling Gender. *Sains Insani*, 6(1), 52–58.
- Zulhanum Salsabiela.(2021). *Peran Kepala Sekolah dalam Meningkatkan Kedisiplinan Guru di Masa Pandemi Pada SMP Islam Al-Azhar 29 BSB Semarang*.
- Zur Batrisyia Mohd Zubir, Nor Yasmin Abd Rahaman, Rukman Awang Hamat, & Hayati Kadir @ Shahar. 2021. University Students' Knowledge, Attitude, and Practice (KAP) towards COVID-19 in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(4), 2853–2868.